

**TRADISI MA'NENE, CIRI-CIRI DAN MAKNA: MEMBERSIHKAN  
JENAZAH NENEK MOYANG TANDA KASIH SAYANG YANG TIDAK  
BERKESUDAHAN**

***MA'NENE TRADITION, CHARACTERISTICS, AND MEANING:  
CLEANING THE REMAINS OF ANCESTORS AS A SIGN OF ENDLESS  
LOVE***

Alicia Anatasha Wong<sup>1</sup> & Rosazman Hussin (PhD)<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Faculty of Social Sciences and Humanities,  
Universiti Malaysia Sabah  
anatashawong97@gmail.com,

<sup>2</sup> Borneo Institute for Indigenous Studies (BorIIS),  
Universiti Malaysia Sabah  
azzs@ums.edu.my

<sup>2</sup> Corresponding authors: Rosazman Hussin, email: [azzs@ums.edu.my](mailto:azzs@ums.edu.my)

**ABSTRACT**

*The Ma'nene tradition is the cultural heritage of the Toraja tribe in Indonesia which is a tradition that should be implemented as a sign of love, and respect for the deceased family members. The Ma'nene tradition is generally related to the belief system revealed by the Toraja tribe's ancestor Aluk Todolo. It contains many philosophies such as belief, pride, ancient traditions, and civilizations which are all implicit in this tradition. The retention of the Ma'nene tradition as a tourist attraction is the focus in the village of Lalikan Pangala', North Toraja, South Sulawesi, Indonesia. The methodology of this study uses a qualitative method through in-depth interviews by interviewing sixteen key informants, the method of observation of participating in this ceremony, and the secondary data source method for further information. The data analysis shows that the traditional Ma'nene ceremony is still preserved despite being a product of tourist attractions. The Ma'nene tradition ceremony is a cultural heritage that must be preserved for it to be the gaze of generations in the future.*

**Keywords:** *The Ma'nene Tradition, Ceremonies, Cultural Heritage, Belief System.*

## ABSTRAK

Tradisi Ma'nene merupakan warisan budaya suku Toraja di Indonesia yang mana ianya adalah sebuah tradisi yang harus dilaksanakan sebagai tanda kasih sayang, penghormatan kepada ahli keluarga yang sudah meninggal dunia. Secara umumnya, tradisi Ma'nene ini terkait dengan sistem kepercayaan yang diperturunkan oleh nenek moyang suku Toraja iaitu *Aluk Todolo* dan mengandungi banyak filosofi seperti kepercayaan, kebanggaan, tradisi kuno dan peradaban yang semuanya tersirat dalam tradisi ini. Pengekalan upacara tradisi Ma'nene sebagai daya tarikan pelancong merupakan fokus utama di kampung Lalikan Pangala', Toraja Utara, Sulawesi Selatan, Indonesia. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kutipan data menerusi kaedah temu bual mendalam dengan menemubual seramai enam belas orang key informan, kaedah pemerhatian turut serta sewaktu upacara ini berlangsung dan kaedah sumber data sekunder bagi mendapatkan maklumat yang lebih lanjut. Hasil analisis data menunjukkan upacara tradisi Ma'nene ini masih lagi dipelihara meskipun sudah menjadi produk daya tarikan pelancong. Upacara tradisi Ma'nene ini merupakan sebuah warisan budaya yang sememangnya harus dipertahankan agar ianya dapat menjadi tatapan generasi pada masa yang akan datang.

**Kata Kunci:** *Tradisi Ma'nene, Upacara, Warisan Budaya, Sistem Kepercayaan.*

## Pengenalan

Negara Indonesia sememangnya memiliki pelbagai kekayaan kebudayaan yang beragam misalnya seperti sikap, nilai keyakinan, norma serta perilaku yang dianut bersama oleh suatu kelompok etnik. Namun, setiap nilai budaya yang berbeza itu tetap dijaga dan dipelihara oleh setiap kelompok etnik tersebut (Kertamuda, 2009). Sebagai contohnya, masyarakat suku Toraja yang menetap di Tana Toraja dan Toraja Utara yang merupakan salah satu suku yang sangat unik di negara Indonesia. Pengaturan tradisi Ma'nene yang sudah dilakukan sejak dari zaman dahulu lagi ini sebenarnya adalah menerusi kepercayaan tradisional tua mereka iaitu *Aluk Todolo* atau *Alukta* yang mengaplikasikan ajaran-ajaran atau pengaturan hidup diikuti dengan pantang-larang, makna dari sesebuah tradisi, penghormatan dan cara hidup mereka sejak dulu sehinggalah pada saat ini. Hal inilah yang menjadikan mengapa masyarakat suku Toraja itu masih lagi mengamalkan kebudayaan yang sudah diperturunkan oleh nenek moyang meskipun sudah memiliki agama (Marampa, 1997: 33). Menurut Pongarrang (2014) menyatakan bahawa upacara tradisi Ma'nene merupakan salah satu bentuk upacara adat perpaduan antara kematian, seni, ritual serta sebagai perwujudan dari rasa cinta suku Toraja kepada leluhur, tokoh mahupun kerabat yang sudah meninggal dunia. Upacara tradisi Ma'nene merupakan sebuah kewajiban yang harus dilaksanakan bertujuan untuk menjaga mereka dari gangguan jahat, hama tanaman dan sesuatu yang tidak baik dalam kehidupan mereka. Pada zaman dahulu, tradisi Ma'nene suku Toraja ini masih dianggap sebagai ritual kerana komuniti pada masa tersebut masih lagi melaksanakan Ma'nene dalam bentuk animism. Namun, pada masa kini proses pelaksanaannya telah diselaraskan dengan fahaman agama Kristian dan melarang semua yang berbentuk animisme. Upacara tradisi Ma'nene merupakan sebuah budaya yang mencerminkan identiti suku Toraja khususnya komuniti suku Toraja di kampung Lalikan Pangala', Toraja Utara, Sulawesi Selatan, Indonesia. Ianya merupakan tanda cinta, kasih sayang, penghormatan serta hubungan yang rapat dengan anggota keluarga yang sudah meninggal dunia. Tradisi Ma'nene milik suku Toraja dilihat sebagai salah satu agen dan ikon untuk memacu perkembangan

pelancongan Indonesia dalam memperkenalkan Indonesia kepada dunia luar dengan kekayaan kebudayaannya yang dimilikinya.

### Sorotan Literatur

Secara dasarnya, semua budaya memiliki peranan penting dan maknanya yang tersendiri dalam kehidupan setiap pemilikinya. Hal ini sama halnya dengan upacara tradisi Ma'ne suku Toraja yang juga sangat penting untuk melampiasikan cinta, kasih sayang, kerinduan, penghormatan serta hubungan yang tidak putus antara orang yang telah meninggal dunia dengan orang yang masih hidup meskipun sudah menganuti agama Kristian mahupun Islam. Paranoan (1994: 24) mengatakan bahawa *Aluk* (kepercayaan tradisional) dan adat sememangnya dapat dipisahkan kerana ianya bersifat pemujaan meskipun merupakan titik permulaan dari semua kebudayaan suku Toraja. Pengekalan upacara tradisi Ma'ne ada kaitan sebagai daya tarikan pelancong. Namun, fokus utama penulisan ini adalah tentang apakah proses pelaksanaan, ciri-ciri unik dan makna tradisi Ma'ne sebagai amalan budaya suku Toraja dalam mengekalkannya sebagai daya tarikan pelancong di Kampung Lalikan Pangala', Toraja Utara, Sulawesi Selatan, Indonesia.

Pertama sekali, kajian yang sudah pernah dilakukan tentang tradisi Ma'ne ini adalah kajian "Pergeseran Makna Tradisi Ma'ne Pada Masyarakat Baruppu Parodo" (2020) yang dilakukan oleh Febrianti Parrang di Kabupaten Toraja Utara. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif adalah membincangkan tentang perbezaan makna simbol pada tradisi Ma'ne masyarakat Baruppu Parodo di Kabupaten Toraja Utara. Hasil penelitian ini mendapati bahawa perbezaan makna tradisi Ma'ne yang terjadi di daerah Baruppu Parodo sehingga pada saat ini kerana ianya telah mengalami perubahan jika dibandingkan dengan tradisi Ma'ne yang dilakukan di masa lampau iaitu dengan agama leluhurnya iaitu *Aluk Todolo*. Hal ini kerana ianya telah dipengaruhi oleh agama Kristian yang mana ianya disertai dengan doa dan ibadah disekitar kuburan atau dikenali sebagai *Patane* (kuburan yang berbentuk rumah) yang akan dibuka. Hasil penyelidikan ini juga mendapati bahawa kesan positif perbezaan makna tradisi Ma'ne tersebut dapat meminimumkan kos upacara, lebih mengefektifkan waktu serta tenaga. Sedangkan kesan negatifnya pula adalah seperti semangat ahli masyarakat untuk melaksanakan tradisi sudah mulai berkurang, nilai gotong-royong mulai merosot dari tujuan asal pelaksanaan tradisi tersebut.

Dalam pada itu, menerusi penyelidikan terhadap hubungan antara spritualiti dan tradisi Ma'ne (2020) yang dilakukan oleh Dwi Megawati di daerah Kantun Poya, Indonesia. Penyelidikan yang menggunakan kaedah kualitatif ini juga adalah membincangkan cara untuk meningkatkan spiritualiti terhadap tradisi Ma'ne bagi suku Toraja. Di mana pada masa sekarang tradisi Ma'ne ini hanya dilakukan oleh beberapa daerah dan waktu tertentu sahaja yang ada di Toraja Utara untuk mencerminkan betapa pentingnya hubungan kekeluargaan. Penyelidikan ini juga mendapati bahawa budaya dan spiritualiti merupakan suatu bahagian dari kehidupan manusia. Tradisi Ma'ne merupakan suatu kegiatan yang dilakukan oleh masyarakat suku Toraja untuk membersihkan jasad atau mayat yang sudah puluhan, belasan atau sampai ratusan tahun sudah meninggal dunia. Oleh sebab itu, segala sesuatu upacara budaya yang terdapat dalam suatu daerah ataupun masyarakat ditentukan oleh kebudayaan yang dimiliki oleh masyarakat itu sendiri.

Seterusnya, penyelidikan mengenai "Landasan Pendidikan Dalam Perspektif Budaya (Kajian Pendidikan dan Budaya Toraja Ma'ne)" oleh Sahrul Syawal (2022) memfokus tentang bagaimanakah landasan pendidikan dalam perspektif budaya Ma'ne di Tana Toraja.

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif serta menggunakan pendekatan kepustakaan. Kajian ini mendapati bahawa dalam tradisi Ma'nene ini terdapat banyak konsep pendidikan yang lahir seperti membangunkan sikap hormat-menghormati terhadap orang yang lebih tua, bertanggungjawab terhadap orang tua, melestarikan nilai kebudayaan dan nilai kesusilaan, agama dan norma keluarga sentiasa terjaga. Nilai Pendidikan lain termasuklah mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli keluarga yang merantau, menghidupkan rasa sikap saling kerjasama, keakraban serta menahan emosi dalam rangkaian tradisi Ma'nene' iaitu *Sisemba'* (permainan adu kaki). Oleh hal yang demikian, nilai pendidikan dalam budaya tradisi Ma'nene ini harus sentiasa dijaga kelestariannya dan di ajarkan kepada generasi muda di Tana Toraja. Dalam hal ini, pendidikan karakter merupakan suatu sistem pendidikan yang berupaya menanamkan nilai-nilai luhur. Budaya tradisi Ma'nene dapat mengembangkan pendidikan karakter dan wawasan kearifan lokal kepada warga sekolah yang meliputi komponen pengetahuan, kesedaran atau kemahuan dan tindakan untuk melaksanakan nilai-nilai luhur tersebut.

Begitu juga dengan penyelidikan yang dilakukan oleh Hartati Muljani, Sara Sapan, Hiskia Christian dan Welly Welliam (2022) yang memberi fokus kajiannya terhadap studi alumni Toraja STT. Injil Bhakti Caraka untuk mengukur keberhasilan pendidikan teologi mengatasi kepercayaan Ma'nene. Penyelidikan ini juga menggunakan kaedah kualitatif adalah bertujuan untuk mengetahui perubahan pemahaman, keyakinan dan sikap alumni Toraja STT. Injil Bhakti Caraka (STT. IBC) terhadap tradisi Ma'nene iaitu sebelum, semasa dan setelah memperolehi pendidikan teologi selama empat tahun. Penyelidikan ini mendapati bahawa pemahaman alumni Toraja tentang tradisi Ma'nene ini menjadi komprehensif dan mendalam iaitu keyakinan mereka sesuai dengan firman Tuhan bahawa roh orang yang sudah meninggal kembali kepada Tuhan dan tidak berkuasa memberi berkat mahupun kutukan. Penelitian ini juga mendapati bahawa sikap para alumni Toraja yang tidak mahu melakukan ataupun menganjurkan Ma'nene tetapi tidak melarang jemaah yang melakukan sementara memberikan pemahaman firman Tuhan dan hasil ini telah menunjukkan keberhasilan pendidikan teologi yang dilakukan STT. IBC.

Seterusnya, penyelidikan makna simbol dalam tradisi Ma'nene di Gereja Toraja Jemaat Sion Barereng (perspektif teori simbol Mircea Eliade) oleh Ramba Turandan (2022). Kajian ini memberi fokus terhadap persepsi anggota jemaat Gereja Toraja Jemaat Sion Barereng terhadap tradisi Ma'nene serta makna jemaat Sion Barereng terhadap simbol-simbol yang terdapat dalam tradisi Ma'nene dengan menggunakan teori simbol Mircea Eliade. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif. Kajian ini mendapati bahawa tradisi Ma'nene merupakan cara untuk membalut kembali jenazah anggota keluarga dan masih lagi dilaksanakan sehingga masa kini setiap tahun pada bulan Ogos. Jemaat Sion Barereng menjelaskan makna ritual Ma'nene sebagai tanda kasih sayang, upaya untuk merawat anggota keluarga, wujudnya kasih Tuhan, upaya pelestarian budaya, proses pembersihan diri, alat penghubung dan alat perjumpaan keluarga. Simbol-simbol yang terdapat dalam tradisi Ma'nene tidak mengandungi unsur mistik tetapi difahami memiliki makna nilai sosiologis. Namun, pergeseran makna dalam pelaksanaan tradisi Ma'nene dan symbol. Ini disebabkan oleh pengetahuan jemaat terhadap nilai agama dan adanya tanggungjawab atau amanat nenek moyang yang tidak dilaksanakan secara patuh.

Penyelidikan oleh Bustan, Najamuddin, Jumadi dan Bahri (2023) bertajuk "Ma'nene: Dinamika Sejarah Tradisi Membersihkan dan Mengganti Pakaian Jenazah Leluhur Suku Toraja". Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Penyelidikan ini ingin mengetahui tentang

latar belakang dan faktor yang mendasari terjadinya perubahan tradisi Ma'nene ini sehingga ianya masih lagi dilaksanakan secara turun-temurun dalam era kemajuan teknologi serta ilmu pengetahuan yang semakin berkembang ini. Hasil penyelidikan ini mendapati bahawa tradisi Ma'nene ini bukanlah hanya sekedar adat semata-mata. Namun, ianya memiliki makna yang sangat mendalam bagi suku Toraja iaitu setiap individu haruslah memuliakan jenazah orang yang telah meninggal dunia. Ini kerana mereka percaya bahawa jika tidak dilaksanakan tradisi Ma'nene maka akan membawa malapetaka dalam kehidupan mereka misalnya hasil menuai padi yang gagal. Ini kerana, pada zaman dahulu terdapat dua orang pemburu yang bernama Pong Rumasek dan Pong Rumanden telah menemukan satu jasad yang sudah tinggal tulang-berulang. Mereka telah menutupi dan menguburkan jasad tersebut. Kemudiannya, berkat daripada perbuatan baik tersebut mereka telah mendapatkan pulangan yang baik setiap kali pergi memburu. Oleh sebab itu, mereka menyimpulkan bahawa jasad bagi seseorang yang telah meninggal haruslah tetap dimuliakan. Rangkaian daripada kepercayaan inilah yang telah menjadi simbolik mengapa tradisi Ma'nene masih dilestarikan hingga sekarang meskipun kebanyakan suku Toraja itu telah memeluk agama Kristian.

### ***Konsep Sistem Kepercayaan***

Tschannen-Moran & Hoy (1998) mengatakan bahawa sistem kepercayaan secara dasarnya dapat dilihat menerusi tingkah laku, komunikasi, perkataan, janji, kenyataan secara lisan atau bertulis. Kepercayaan yang muncul adalah berdasarkan anggapan dan keyakinan bahawa seseorang individu atau kumpulan akan melakukan yang terbaik kepada pihak yang lain (Hoy et al., 2006); Hoy & Tschannen-Moran & Hoy, 1999). Sistem kepercayaan adalah berkaitan dengan pemahaman yang terbentuk dari pemikiran setiap individu, tetapi terdapat juga konsep-konsep serta pemahaman yang diseragamkan dalam cerita rakyat serta aturan-aturan yang seterusnya akan menjadi kesusasteraan suci yang dianggap keramat (Koentjaraningrat, 2005: 203-204).

### ***Konsep Interaksi Simbolik dan Makna Budaya***

Joel M Charron (1979) berpendapat bahawa pentingnya sebuah pemahaman terhadap sesuatu simbol sewaktu melakukan penelitian budaya. Simbol merupakan objek sosial dalam sesebuah interaksi yang digunakan dalam komunikasi yang sudah ditentukan yang bertujuan untuk memberi erti, menciptakan serta mengubah objek dalam interaksi. Simbol sosial yang terbentuk tersebut dapat mewujudkan bentuk objek fizikal, kata-kata dan serta tindakan. Misalnya, budaya yang diertikan sebagai suatu konsep yang berkaitan dengan cara hidup, berfikir, merasa, mempercayai juga mengamalkan sesuatu yang patut yang menggambarkan identiti dan citra sesebuah masyarakat (Syaiiful Sagala, 2013).

### ***Konsep Upacara Tradisi Ma'nene Suku Toraja***

Pongarrang (2014) menyatakan bahawa tradisi Ma'nene merupakan salah satu bentuk upacara adat perpaduan antara kematian, seni, ritual kerana lahir dari rasa cinta suku Toraja kepada leluhur, tokoh mahupun kerabat yang sudah meninggal dunia. Tradisi Ma'nene merupakan sebuah kewajiban yang harus dilaksanakan bertujuan untuk menjaga mereka dari gangguan jahat, hama tanaman dan kesialan hidup. Pada zaman dahulu, tradisi Ma'nene suku Toraja ini masih dianggap sebagai ritual kerana komuniti pada masa tersebut masih lagi

melaksanakan Ma'nene dengan bentuk animism. Namun, pada masa kini proses pelaksanaannya telah diselaraskan dengan fahaman agama Kristian dan melarang semua yang berbentuk animisme.

### **Metodologi: Kaedah Kutipan Data Kualitatif**

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kajian kualitatif agar fenomena kajian dapat dijelaskan, difahami dan ditulis secara deskriptif (Lee Khuan dan Krauss, 2015) kerana pendekatan kualitatif ini menekankan cara penelitian yang diperolehi menerusi perkataan dan gambar kajian (Gagliardi dan Dobrow, 2011; Merriam, 1998). Ini kerana, kaedah ini akan lebih membantu pengkaji untuk meneliti, mengetahui, memahami serta mendapatkan data bagi kajian ini dari sisi yang lebih mendalam, teliti dan tergalai sesuatu data diinginkan. Manakala, kaedah kutipan data yang digunakan oleh pengkaji temu bual mendalam, pemerhatian turut serta dan sumber data sekunder. Pengkaji telah menemubual seramai enam belas informan yang terdiri daripada komuniti Suku Toraja di Kampung Lalikan, Pangala', Toraja Utara, Sulawesi Selatan, Indonesia. Kaedah persampelan yang digunakan adalah sampel bertujuan. Informan terdiri khusus kepada satu kelompok di kampung ini yang dihadkan kepada ketua kampung, AJK kampung, ketua keluarga, ketua adat, pendeta, pemandu pelancong dan pelancong bagi menjawab objektif yang sudah dibentuk.

### **Dapatan Kajian dan Perbincangan**

Seksyen dapatan kajian ini adalah untuk membincangka mengenai pengekalan tradisi Ma'nene suku Toraja sebagai daya tarikan pelancong di Kampung Lalikan Pangala', Toraja Utara, Sulawesi Selatan, Indonesia. Hasil kajian ini mendapati beberapa proses pelaksanaan, ciri-ciri dan makna budaya dan simbolik, seperti berikut:

### **Proses Pelaksanaan Upacara Tradisi Ma'nene Sebagai Amalan Budaya Suku Toraja**

#### *i. Musyawarah Di Peringkat Kampung Bagi Persiapan Upacara Tradisi Ma'nene*

Foto 1: Musyawarah Antara Penduduk Kampung Lalikan Pangala'



Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Upacara tradisi Ma'nene ini secara amnya dilaksanakan bermula pada bulan lapan setelah selesainya musim menuai padi. Upacara tradisi Ma'nene ini sememangnya tidak boleh dilaksanakan sembarangan tanpa adanya sebuah perbincangan antara komuniti di kampung Lalikan, Pangala' ini. Segala proses pelaksanaan akan dibincangkan dalam musyawarah tersebut sebelum memulakan acara Ma'nene ini pada hari yang telah ditentukan. Perbincangan tersebut adalah diantara ketua adat, ahli majlis gereja serta ahli keluarga yang akan melaksanakan acara Ma'nene ini bagi membincangkan segala yang sesuatu yang harus disediakan. Pada tahun 2023 ini, upacara tradisi Ma'nene telah mengalami perubahan iaitu proses pelaksanaannya telah disatukan ataupun dilaksanakan serentak bagi setiap keluarga berbanding pada tahun-tahun sebelumnya masing-masing keluarga akan melaksanakan Ma'nene pada hari yang berbeza. Ini menjadi tanda bahawa masing-masing keluarga yang ingin melaksanakan acara Ma'nene ini haruslah dilakukan secara serentak atau secara beramai-ramai dan setelah beberapa hari kemudian sekitar akhir bulan ogos akan dilaksanakan bacaan doa juga secara serentak atas persetujuan bersama yang artinya penduduk di Kampung Lalikan Pangala' ini bersatu hati dalam melaksanakan acara Ma'nene ini dengan sukacita sehingga acara ini berjaya dilaksanakan.

*“...ya memang musyawarah atau sebuah pertemuan itu harus diadakan supaya segala penentuan hari, waktu dan juga kapan pelaksanaan ibdahah penutupan acara Ma'nene itu dilaksanakan. Ya seperti saat ini kita bincangkan kapan pelaksanaannya, kita memilih tanggalnya kapan dan semua ini kita lakukan kita perbincangkan. Tujuannya ini adalah supaya apa yang akan kita laksanakan itu tidak melanggar adat Toraja khususnya di kampung Lalikan Pangala' ini karna memang setiap kampung itu beda-beda ya peraturannya....”*

*(Benyamin Kondo', 2023)*

ii. *Menjemur dan Membersihkan Jenazah*

Foto 2: Menjemur dan Membersihkan Jenazah



Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Proses berikutnya adalah *Ma'bukka Liang* iaitu masing-masing keluarga akan membuka kuburan keluarga masing-masing sebagai tanda Ma'nene sudah pun dimulai dan akan mengeluarkan jenazah ahli keluarga masing-masing untuk melakukan pembersihan atau *Masseroi* rumah kuburan bagi memastikan kebersihan dalam rumah kuburan. Puluhan jenazah yang akan dibaringkan di dataran rumah kuburan masing-masing baik yang dari yang masih bayi sehingga yang tua berusia ratusan sehingga puluhan tahun yang akan dikeluarkan dan dibuka daripada bungkusan saat pemakaman *Rambu Solo*". Setelah kesemua jenazah dikeluarkan, maka para ahli keluarga akan melaksanakan pula proses *Mangallo Batang Rabuk* iaitu menjemur dan membersihkan jenazah keluarga mereka. Proses ini menunjukkan rasa menghormati, menyanjungi, menyayangi, mencintai orang tua, anak serta sanak-saudara yang telah belasan tahun, puluhan tahun bahkan ada juga yang ratusan tahun dengan cara yang khas dan unik iaitu dengan cara membersihkan kuburan dan menjemur jenazah ahli keluarga mereka selama beberapa jam sesuai dengan keinginan ahli keluarga. Proses ini memastikan jenazah tidak mengalami kerosakkan teruk dan dalam keadaan yang awet. Keunikan yang terserlah daripada proses ini adalah agar para keturunannya masih lagi dapat melihat jenazah yang masih awet. Disebalik dari cara menjemur tersebut wujudnya kasih sayang yang tidak akan pernah putus dari fikiran terhadap ahli keluarga yang sudah meninggal dunia. Jenazah juga tidak mengeluarkan bau busuk kerana jenazah tersebut sudah disapukan ramuan tradisional iaitu daun sirih dan getah pisang yang sudah dicampurkan. Meskipun perasaan sedih itu masih ada, akan tetapi untuk menangis itu sudah tidak boleh, sebaliknya keluarga yang sudah melaksanakan Ma'nene ini merupakan sebuah kepuasan, kebanggaan dan yang paling penting adanya rasa syukur kerana telah berjaya melaksanakan acara Ma'nene ini.

*"....sesuai dengan pemahaman suku Toraja khususnya di Pangala' ketika melakukan acara pembersihan kuburan atau pusara orang tua atau saudara itu maknanya bahawa dia masih tetap terngiang kasih sayang keluarga terhadap orang yang sudah meninggal. Ma'nene itu sebenarnya tidak ada lagi hal merasa bersedih ngak ada ngak ada sebenarnya ngak ada karna hanya sewaktu-waktu itu perasaan peribadi orang itu. Kalau di tempat lain mungkin tapi kalau di Pangala' dilarang ki menangis di sini...."*

*(Minggu Patoding, 2023)*

iii. *Mengganti Pakaian dan Kain Sarung Jenazah*

Foto 3: Mengganti Sarung dan Pakaian Jenazah



Sumber: Kajian Lapangan, 2023



Proses seterusnya adalah penggantian pakaian dan kain sarung atau *Ma'Palobo* ini merupakan proses yang sangat menarik sekali bagi para pelancong yang sebelumnya mereka belum pernah melihat situasi seperti itu. Proses penggantian pakaian dan sarung inilah merupakan bahagian yang paling disukai oleh para pelancong untuk melihatnya dengan mata sendiri tanpa adanya rasa takut dan disitulah mereka merasakan bahawa tradisi Ma'nene ini merupakan sesuatu yang menarik perhatian kerana ianya merupakan cara suku Toraja menunjukkan kasih sayang mereka yang tidak akan hilang sama sekali demi membalas jasa dan pengorbanan orang tua mereka dengan cara menggantikan pakaian dan sarung mereka. Namun, tidak semua ahli keluarga ingin menukarkan pakaian yang baru kerana ingin menjaga tulang daripada patah sewaktu dibuka pakaiannya, hanya saja sarung lama yang mereka gantikan. Erti dari penggantian pakaian dan sarung ini adalah bentuk kasih sayang sepertimana ketika orang tua memakaikan pakaian kepada anak-anak mereka sewaktu masih hidup dulu. Penggantian sarung ini merupakan suatu kewajiban bagi suku Toraja kerana bagi mereka memakaikan sarung itu adalah sebuah perilaku yang wajib dilakukan sebagai seorang anak yang menghormati, menghargai dan menyayangi kedua orang tuanya meskipun sudah tinggal tulang-berulang. Seberapa banyak anaknya itu pasti akan membelikan sarung yang baru untuk kedua orang tuanya. Keluarga yang sudah merantau juga pulang bersama-sama menjayakan acara Ma'nene ini pada hari tersebut. Begitu juga para pelancong juga turut menyaksikan proses penggantian pakaian dan sarung ini. Proses berikutnya adalah *Mangrapa'* yang mana jenazah-jenazah itu akan dibungkus semula yang kemudiannya dimasukkan dalam keranda untuk disimpan semula ke dalam rumah kuburan (*Patane*).

*“...begini, sama seperti ketika dia masih hidup dia akan dipakaikan sarung ketika dia sudah meninggal juga akan dipakaikan sarung. Jenazah itu tidak bisa tidak dipakaikan pakaian mesti dipakaikan pakaian seperti saat dia masih hidup, dilengkapi dengan itu pakaian pakai sarung, pakai baju, pakai celana semua itu. Itulah orang bilang seperti dalam alkitab bilang sayangilah, hormatilah dan hargailah kedua ibu bapa kamu di kampung. Itulah sekarang harus dihormati, dihargai dan disayangi walaupun sudah tinggal tulang-tulangnya sahaja...”*

*(Daniel Tandilau, 2023)*

iv. *Upacara Bacaan Doa Sebagai Tanda Kesyukuran*

Foto 4: Bacaan Doa Kesyukuran



Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Setelah selesai, proses selanjutnya adalah *Ma'tutu'* yang menjadi tanda bahawa berakhirnya pelaksanaan acara Ma'nene di Kampung Lalikan, Pangala' ini dan ianya akan ditutup dengan upacara bacaan doa Kristian baik itu aliran Katolik, Protestan dan Pentakosta. Dalam upacara bacaan doa ini, akan adanya acara pemotongan kerbau dan khinzir sebagai memenuhi syarat adatnya agar tidak melanggar pantang-larang dalam upacara tradisi Ma'nene ini. Jika zaman dahulu, segala proses mengikut ajaran asal mereka iaitu *Aluk Todolo* atau *Alukta* yang merupakan kepercayaan tradisional suku Toraja. Namun masa sekarang, setelah komuniti suku Suku Toraja itu beragama Kristian maka mereka sudah tidak mengamalkan proses yang bersifat animisme dan hanya melaksanakannya sesuai dengan masyarakat yang beragama. Acara Ma'nene di Kampung Lalikan Pangala' ini dilakukan dengan penuh rasa syukur, sukacita dan tentunya atas dasar kasih sayang meskipun sudah tinggal tulang-berulang. Upacara bacaan doa ini adalah untuk memanjatkan rasa syukur atas pelaksanaan acara Ma'nene, mendoakan roh serta mendoakan kesejahteraan ahli keluarga yang masih hidup. Pada hari pelaksanaan upacara bacaan doa ini, *Mentanam Bunga* (disemadikan) dalam rumah kuburan (*Patane*) turut dilaksanakan apabila jenazah ahli keluarga yang baru dimasukkan dan agar rumpun keluarga yang merantau akan sentiasa berada dalam keadaan yang baik-baik sahaja. Setelah bacaan doa selesai, maka hari berikutnya sudah tidak boleh membuka rumah kuburan atau *Patane* lagi kerana ianya akan melanggar adat. Ini kerana, upacara bacaan doa tersebut adalah sebagai penutupan dan harus menanti setahun berikutnya untuk membuka kembali *Patane*.

*"...jadi sekarang sudah kita Kristian, maka dirubah maka cara Ma'nene itu untuk membersihkan kuburan kalau ada yang merasakan kebahagiaan selama menguburkan almarhum itu setelah sampai satu tahun atau belum menjangkau satu tahun sudah pas bulan delapan maka diadakan pemotongan babi biasanya itu kalau sudah di Kristen tapi disatukan sekarang...."*

(Benyamin Kondo, 2023)

v. *Acara Penutup: Permainan Tradisi Adu Kaki atau Sisemba*

Foto 5: Acara Adu Kaki (Sisemba)



Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Upacara tradisi Ma'nene edisi tahun 2023 dilaksanakan dengan sangat meriah bukan sahaja ahli keluarga yang merantau jauh turut pulang bersama-sama melaksanakan acara Ma'nene ini. Akan tetapi, komuniti Suku Toraja juga turut menghidupkan kembali permainan tradisional turun-temurun di Kampung Lalikan, Pangala' yang dilaksanakan sebagai bentuk dari rasa kesyukuran. Sama halnya dengan acara Ma'nene yang dilakukan selain daripada bentuk kasih sayang, namun ianya juga dilakukan sebagai memenuhi syarat adat suku Toraja iaitu sentiasa berada dalam keadaan sejahtera walau dimanapun mereka merantau. Begitu juga dengan acara Sisemba ini yang dilakukan agar menuai padi yang seterusnya lebih baik dari sebelumnya. Acara *Sisemba* di kampung Lalikan Pangala' ini dilakukan setelah selesainya bacaan doa penutupan acara Ma'nene. Iainya dilaksanakan pada sebelah petang selama beberapa jam iaitu sekitar tiga atau empat jam yang memperlihatkan kekerabatan komuniti. Selain ungkapan rasa syukur atas hasil menuai padi yang banyak, ia juga merupakan ungkapan kegembiraan setelah musim menuai padi serta harapan untuk musim menuai padi yang akan datang. Disebalik permainan adu kaki ini juga tersirat makna tersendiri iaitu jika sekiranya seseorang peserta cedera pada kakinya, dipercayai bahawa pada musim menuai padi musim seterusnya akan mendapat hasil padi yang banyak.

*“...kepercayaan yang tersirat dalam tradisi Sisemba ini dipercayai bahwa jika sekiranya seseorang yang bermain itu cedera kakinya, dipercayai bahwa orang itu akan mendapatkan hasil padi yang banyak sewaktu tibanya musim menuai nanti....”*

(Daniel Tandilau, 2023)

## Ciri-Ciri Upacara Tradisi Ma'nene

### i. Hubungan Keekerabatan Yang Erat

Foto 6: Rumpun Keluarga Berkumpul



Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Hubungan kekerabatan yang erat dan harmonis sangatlah dijunjung tinggi dan terserlah dalam kehidupan komuniti suku Toraja di kampung Lalikan Pangala' ini khususnya apabila adanya pesta-pesta keramaian. Gotong-royong merupakan sikap yang dititikberatkan dalam kehidupan seharian mereka. Segala proses pelaksanaan upacara tradisi Ma'nene ini dilakukan secara gotong-royong antara ahli keluarga dan juga penduduk kampung secara bekerjasama untuk menjayakan upacara tradisi Ma'nene yang akan dilangsungkan ini. Keekerabatan itu terlihat sewaktu ahli keluarga berkumpul lagi untuk bersama-sama membuka Patane keluarga masing-masing. Pengekalan upacara tradisi Ma'nene ini bukan sahaja semata-mata sebagai tanda kasih sayang dan penghormatan sahaja, tetapi istimewanya adalah ianya juga bertujuan untuk memperkenalkan nenek moyang mereka kepada generasi baru keturunannya agar mereka dapat mengenali siapa para pendahulunya. Menerusi upacara tradisi Ma'nene ini, jelas terlihat rumpun keluarga dapat berkumpul bersama-sama menjayakan upacara tradisi Ma'nene ini. Oleh sebab itu, generasi baru masa kini dapat melihat sendiri secara langsung jenazah pendahulunya yang sudah berusia puluhan, belasan mahupun ada yang sudah mencapai usia ratusan tahun. Yang paling penting dalam upacara tradisi Ma'nene ini adalah keinginan, kerelaan dan kesanggupan ahli keluarga yang jauh pulang hanya untuk melihat jenazah ahli keluarga mereka.

*“....acara Ma'nene sebenarnya yang paling jelas itu juga adalah kekerabatan yang dimiliki oleh ahli keluarga yang bersama-sama datang berkumpul bersama-sama membersihkan jenazah-jenazah keluarga mereka dengan sepenuh hati dngan penuh kasih sayang....”*

*(Munir Parrangan, 2023)*

### ii. Mengganti Kain Sarung Sebagai Tanda Kebaktian dan Penghormatan

Foto 7: Keluarga Memberi Sarung Baru Pada Jenazah



Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Komuniti suku Toraja pada umumnya sentiasa hidup berdampingan dengan sesama, saling hormat-menghormati terlebih lagi terhadap orang tua mereka. Oleh itu, untuk mendedikasikan tanda kebaktian, penghormatan serta kasih sayang mereka adalah dengan menyediakan kain sarung yang memainkan peranan sangat penting dalam acara Ma'nene ini. Komuniti suku Toraja di kampung Lalikan Pangala' ini sangat memegang erat ajaran yang sudah diajarkan kepada mereka agar nilai berbakti dan menghormati akan terus dibawa sehingga ke akhir hayat walau dimanapun mereka berada akan tetap selalu teringat akan pengorbanan orang tua mereka. Jika sekiranya ahli keluarga tidak ingin menukar pakaian jenazah, cukup hanya menukarkan kain sarung untuk membaluti jenazah itu sahaja. Masing-masing anak akan membeli kain sarung baru untuk menutup jenazah orang tua mereka dan jika mereka tidak dapat pulang ke kampung maka sarung tersebut akan dititipkan kepada saudara yang akan pulang ke kampung. Jika zaman dahulu pemilihan sarung tidak menitikberatkan jenis kain sarung dan hanya membungkus jenazah tanpa membuka kain sarung lama. Namun sekarang, terdapat perubahan makna iaitu pembelian kain sarung baik warna, corak dan nilai yang tinggi apalagi ianya melibatkan status sosial si mati. Kain sarung baru tidak dibungkus dengan yang lama demi menjaga keawetan jenazah agar tidak dimakan anai-anai. Pemilihan sarung ini melambangkan kemampuan ekonomi dan ia menimbulkan kepuasan dalam diri mereka kerana sudah memberikan yang terbaik kepada jenazah keluarganya.

*“...kalau sarung itu memang harus ada wajib itu ya. Kalau jaman dulu itu sarungnya itu akan dibungkus sekali dengan kain yang lama dan ini pastinya akan hilang awetnya toh. Jadi kalau jaman sekarang itu, ada orang yang mahu membelikan sarung yang mahal karna status si jenazah itu, nah itu sebenarnya juga itu tergantung sama kemampuan uang yang dimiliki oleh si pembeli tersebut. Orang-orang sekarang itu lebih suka jika mereka itu membeli sarung yang mahal karna di situ ada yang apa namanya....adanya kepuasan....iya kepuasan....”*

*(Marten Pali, 2023)*

iii. *Menyembelih Haiwan Sebagai Tanda Sembah Korban*

Foto 8: Memotong Daging Korban



Sumber: Kajian Lapangan, 2023

Dalam kehidupan suku Toraja dari zaman dulu sehingga zaman sekarang memang tidak dapat dipisahkan dengan kerbau atau *Tedong*. Pemotongan kerbau atau bahasa Toraja disebut *Mantunu Tedong* ini berperanan sebagai bentuk penghargaan, penghormatan, kesyukuran, kasih sayang, mempersatukan kembali keluarga yang sudah terpisah sejak lama serta sebagai tanda hubungan yang erat dengan ahli keluarga yang sudah meninggal. Pemotongan kerbau ini dilaksanakan atas dua faktor iaitu (1) sewaktu adanya *Patane* baru dibina harus melakukan *Mantunu Tedong* sebagai bentuk meminta izin untuk memindahkan semua jenazah dari *Patane* lama. (2) adanya jenazah baru meninggal maka mereka wajib memotong kerbau untuk melengkapkan adat *Mentanam Bunga* yang berarti jenazah baru itu akan disemadikan dalam *Patane* baru. Maknanya, keluarga yang merantau sentiasa dalam perlindungan, mengelakkan berlakunya sebarang musibah dan mengelakkan terjadinya pelanggaran adat. Untuk membuka peti jenazah juga tidak sembarangan, ahli keluarga harus *Mantunu Bai* (pemotongan khinzir) sebagai syarat bagi mana-mana keluarga yang memiliki keinginan untuk membuka dan mengeluarkan jenazah dari peti. Maknanya, mereka boleh membuka *Patane* untuk dibersihkan sahaja, tetapi untuk membuka peti jenazah haruslah melakukan pengorbanan haiwan. Upacara tradisi Ma'nene tahun 2023 ini dilakukan perubahan iaitu setiap keluarga harus mendermakan wang seberapa yang mampu yang bertujuan untuk membeli khinzir mengikut berapa buah keluarga yang ingin membuka peti jenazah keluarganya. Kedua-dua pengorbanan pemotongan haiwan ini akan dilaksanakan iaitu pada hari upacara bacaan doa sebagai penutupan acara Ma'nene ini.

*“....nah, Ma'nene ini juga potong kerbau kalau ada misalnya jenazah yang baru disimpan dalam Patane itu disebut Mentanam Bunga, begitu juga kalau ada Patane yang baru dibikin nah masa Ma'nene ini wajib juga dipotong kerbau. Adanya potong kerbau ini semacam bentuk kita menghargai, menghormati apalagi berhubung sama status keluarga itu....”*

*(Marten Katek, 2023)*

*“....mantunu Bai ini iya kayaknya seperti meminta izin untuk membuka Patane. Mantunu Bai ini hanya dilakukan sekiranya ada keluarga yang pengen jenazah dibuka bungkusannya. Tapi kalau pun ada keluarga yang*

*ngak mau membuka balutan jenazah, mereka ngak perlu potong babi. Kan perlu dilihat dari uangnya juga toh....”*

*(Minggu Patoding, 2023)*

iv. *Aspek Yang Tidak Diamalkan dan Berubah Dalam Upacara Tradisi Ma'nene*

**Jadual 1: Aspek Yang Tidak Diamalkan Dalam Upacara Tradisi Ma'nene**

Aspek Yang Sudah Tidak Diamalkan	
1. Sesajian Rokok i. Ubi ii. Minuman iii. Gula-gula iv. Ayam	Dulu: Khas untuk dewa dan roh  Sekarang: Dianggap bersifat penyembahan berhala dan hanya disajikan sebagai santapan penduduk kampung
2. Pondok	Dulu: Dibina untuk bermalam bersama jenazah Sekarang: Tidak memerlukan pondok sepanjang
3. Puisi tradisional	Dulu: Semua proses memiliki bacaan puisi tradisional sebagai bentuk panggilan  Sekarang: Hanya melaksanakan upacara bacaan doa Kristian

**Jadual 2: Aspek Yang Berubah Dalam Upacara Tradisi Ma'nene**

Aspek Yang Sudah Berubah	
1. Hari Pelaksanaan	Dulu: Secara persendirian atau masing-masing keluarga melaksanakannya.  Sekarang: Bermula tahun 2023 telah disatukan
2. Tempat pelaksanaan	Dulu: Upacara bacaan doa dilaksanakan di rumah masing-masing  Sekarang: Dilaksanakan di kawasan kuburan bagi acara pembacaan doa bersama semua

3. Penyembelihan haiwan	Dulu: dipersembahkan kepada dewa dan roh  Sekarang: Sebagai pelengkap adat yang dagingnya dijamu oleh komuniti kampung
-------------------------	--

### **Makna Upacara Tradisi Ma'nene Sebagai Amalan Budaya Suku Toraja**

#### *i. Makna Dari Aspek Sosial*

Makna sosial yang terkandung dalam upacara tradisi Ma'nene ini adalah memperlihatkan nilai kebersamaan yang cukup erat dalam melaksanakan tradisi ini di kampung Lalikan. Mereka saling membantu dalam persiapan acara Ma'nene. upacara tradisi Ma'nene ini. Sewaktu hari pelaksanaan Ma'nene yang dilakukan secara beramai-ramai memperlihatkan golongan lelaki ditugaskan dalam pemotongan haiwan korban, manakala golongan wanita mengambil alih bahagian dapur. Kebersamaan adalah nilai yang sangat penting dalam kehidupan suku Toraja khususnya apabila mereka melakukan sesuatu acara.

#### *ii. Makna Dari Aspek Budaya*

Makna dalam aspek budaya, dilihat sangat penting kerana jika tidak dilakukan maka mereka akan dianggap telah melanggar kewajipan mereka sebagai suku Toraja yang mempertahankan budaya mereka untuk diwariskan kepada generasi seterusnya. Pelestarian upacara tradisi Ma'nene ini bertujuan untuk menjaga hubungan baik dengan para pendahulu mereka untuk menjaga keharmonian dalam keluarga. Jika tidak dilaksanakan sepertimana yang seharusnya dilaksanakan, mereka masih percaya bahawa dalam keluarga mereka akan menghadapi sesuatu masalah akibat daripada tidak menghormati budaya mereka.

#### *iii. Makna Dari Aspek Agama*

Dari aspek agama pula, upacara tradisi Ma'nene ini jelas terlihat menerusi upacara bacaan doa setelah selesainya pelaksanaan Ma'nene di kampung Lalikan Pangala' ini. Jika dahulunya upacara tradisi Ma'nene versi kepercayaan nenek moyang (*Aluk Todolo*) lebih bersifat animisme, manakala pada masa kini dalam versi Kristian pula ianya lebih memanjatkan rasa syukur kerana telah berjaya melaksanakan Ma'nene begitu juga kesyukuran haisl menuai padi, meningkatkan keimanan kepada Tuhan menerusi pembacaan doa bersama pendeta serta memperlihatkan kerohanian yang tinggi menerusi pengorbanan haiwan.

#### *iv. Makna Nilai Musyawarah*

Sementara dari aspek musyawarah menggambarkan komuniti suku Toraja di kampung Lalikan Pangala' ini sangatlah menjunjung tinggi nilai musyawarah sebelum melaksanakan tradisi Ma'nene ini. Segala bentuk pembaharuan yang bakal dilakukan akan dibincangkan sewajarnya untuk mengelakkan terjadinya pelanggaran adat. Musyawarah juga sangat penting kerana mereka akan membincangkan tarikh pelaksanaan Ma'nene, tempat pelaksanaan ibadah, kos perbelanjaan iaitu menerusi kutipan derma masing-masing keluarga termasuklah jamuan yang akan mereka sediakan.

#### *v. Makna Nilai Tanggungjawab Ahli Keluarga*

Dalam aspek tanggungjawab pula, tradisi Ma'nene memperlihatkan tanggungjawab yang sangat tinggi dalam pelaksanaan upacara tradisi Ma'nene di kampung Lalikan Pangala' ini.



Masing-masing komuniti suku Toraja melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap jenazah ahli keluarga masing-masing. Ahli keluarga yang merantau juga masih menunjukkan tanggungjawab mereka mengirinkan sarung baru untuk jenazah keluarganya. Sangat terlihat kesungguhan mereka melaksanakan tradisi Ma'nene ini sebagai peninggalan dari nenek moyang mereka yang harus mereka jaga dan lestarikan lagi-lagi pada zaman modenisasi ini.

*“...makna tersendiri yang tersirat di dalam acara Ma'nene adalah menyatakan cinta kasih kepada leluhur-leluhur yang telah meninggal itu, jadi menyatakan cinta kasihnya ya rasa kasih sayangnya kepada leluhur, leluhur itu dalam artian mati orang meninggal toh. Jadi bukan berarti menyembah tetapi sebatas menyatakan cinta kasih bagi leluhur yang telah meninggal itu ya jadi sebelum agama Kristen seakan-akan acara Ma'nene itu seakan-akan pergi menyembah karna semuanya diberikan kepada leluhur yang telah meninggal memberikan makanan, air minum, rokok, sirih seakan-akan masih menyembah tetapi setelah diterangi dengan budaya agama Kristen, maka cara-cara seperti itu dikristenkan dengan cara menghilangkan tatacara membawa sesuatu ke kuburan. Jadi itu dihilangkan karna terang firman Tuhan....”*

*(Markus Langan, 2023)*

## **Kesimpulan**

Upacara tradisi Ma'nene sememangnya merupakan salah satu produk pelancongan yang menjadi daya tarikan pelancong dan menjadi kebanggan bagi komuniti suku Toraja di kampung Lalikan Pangala', Toraja Utara, Sulawesi Selatan, Indonesia. Upacara tradisi Ma'nene ini bertujuan untuk menyampaikan rasa kasih sayang, rasa rindu serta sebagai tanda penghormatan kepada ahli keluarga mereka dengan sentiasa memuliakan jenazah mereka pada setiap bulan Ogos setiap tahun setelah selesainya musim menuai padi. Mereka masih menjaga hubungan antara yang masih hidup dengan yang telah meninggal. Ini memperlihatkan bahawa, upacara tradisi Ma'nene menjadi agen dan ikon untuk memacu pembangunan pelancongan Indonesia khususnya diperkenalkan kepada masyarakat luar. Oleh hal yang demikian, generasi muda suku Toraja pada masa kini haruslah bertindak sebagai penerus dengan mendidik diri mereka sendiri untuk mempelajari segala tentang tradisi Ma'nene ini agar mereka mampu untuk mempertahankannya sebagai warisan budaya peninggalan nenek moyang.

## **Penghargaan**

Penyelidik ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada ramai pihak terutamanya komuniti suku Toraja di kampung Lalikan, Pangala', Toraja Utara, Sulawesi Selatan, Indonesia kerana telah memberikan kerjasama yang sangat baik sehingga penyelidik dapat menyelesaikan penulisan ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Profesor Dr. Rosazman Hussin kerana sudi sebagai penulis koreponden serta yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan bagi menjayakan kajian dan penulisan makalah ini.

## Rujukan

- Bahri, Bustan, Jumadi & Najamuddin. (2023). Ma'nene: Dinamika Sejarah Tradisi Membersihkan dan Mengganti Pakaian Jenazah Leluhur Suku Toraja. Universitas Negeri Makassar. *Fajar Historia: Jurnal Ilmu Sejarah dan Pendidikan*. Vol. 7: No. 1, pp 64-76.
- Charron, Joel M. (1979). *Symbolic Interactionism*, United States of America: Prentice Hall Inc.
- Dwi Megawati. (2020). Hubungan Antara Spritualitas dan Budaya Ma'nene Di Daerah Kantun Poya. Indonesia: Institut Agama Kristen Negeri Toraja.
- Febrianti Parrang. (2020). Pergeseran Makna Ritual Ma'nene Pada Masyarakat Baruppu Parodo Kabupaten Toraja Utara. Indonesia: Universitas Negeri Makassar.
- Gagliardi, A. R. & Dobrow, M. J. (2011). *Paucity of Qualitative Research in General Medical and Health Services and Policy Reseach Journals: Analysis of Publication Rates*. BMC: Health Services Reseach.
- Hartati Muljani Notoprodjo, Sara Sapa, Hiskia Christian Yolith Lebang & Welly Welliam Polly. (2022). Studi Alumni Toraja STT. Injil Bhakti Caraka Untuk Mengukur Keberhasilan Pendidikan Teologi Mengatasi Kepercayaan Ma'nene. *Jurnal Penjaminan Mutu*. 8(2), 232-237.
- Hoy, W. K., & Tschannen-Moran, M. (1999). Five Faces of Trust: An Empirical Confirmation in Urban Elementary Schools. *Journal of School Leadership*, 9, 184-208.
- Kertamuda, F. E. (2009). *Konseling Pernikahan Untuk Keluarga Indonesia*. Jakarta: Salemba Humanika.
- Lee Khuan & Krauss, S. E. (2015). *Why Use Qualitative Reseach Methods to Understand the Meaning of Clients Experiences in Healthcare Reseach*. *International Journal of Public Health and Clinical Sciences*. e-ISSN: 2289-7577. Vol. 2: No. 4.
- Marampa, T. dan Labuhari, Upa. (1997). *Budaya Toraja*. Jakarta: Penerbit Yayasan Maraya.
- Merriam, S.B. (1998). *Qualitative Research and Case Study: Applications In Education*. Jossey Bass Inc.
- Ramba Turandan. (2022). Makna Simbol Dalam Ritual Ma'nene Di Gereja Toraja Jemaat Sion Barereng: Perspektif Teori Simbol Mircea Eliade. Indonesia: Universitas Kristen Satya.
- Sahrul Syawal. (2022). Landasan Pendidikan Dalam Perspektif Budaya: Kajian Pendidikan dan Budaya Toraja Ma'nene. *Jurnal Pendidikan Tambusai* 6 (3), 14087-14094.
- Syaiful Sagala. (2013). *Memahami Organisasi Pendidikan: Budaya dan Reinventing Organisasi Pendidikan*. Bandung: Alfabeta.
- Paranoan, M. (1994). *Upacara Kematian Orang Toraja. Analisis Psiko-Sosio-Kultural*. Ran: Percetakan Sulo.
- Smith, V. L. (ed.). (1989). *Hosts and Guests. The Anthropology of Tourism*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Tschannen-Moran, M., Hoy, A. W., & Hoy, W. K. (1998). Teacher Efficacy: Its Meaning and Measure. *Review of Education Research* , 68, 202-248.
- Pongarrang, Jhon. (2014). Ma'nene. Diakses Pada 1 Desember 2022 dari <http://JhonPongarrang/2014/Ma'nene.html>.